

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PENGISYTIHARAN VARIETI CIKU BARU CM19**  
**DI BUKIT TANGGA, KEDAH**  
**11 NOVEMBER 2001**

-----

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

YAB Dato Seri Haji Syed Razak Syed Zain Menteri Besar Kedah

YB Datuk (Dr) Effendi Norwawi Menteri Pertanian Malaysia

YB Encik Ahmad Bashah md. Hanipah Exco Pertanian Negeri Kedah

Y Hormat Dato Abi Musa Ashaari Pengerusi Lembaga Pengelola MARDI

Tuan-tuan dan Puan-puan

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama pada majlis di pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YB Datuk (Dr) Effendi Norwawi, kerana menjemput saya ke Majlis Pengisytiharan Ciku Baru MARDI, iaitu satu lagi pencapaian penyelidikan dan pembangunan oleh MARDI. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan syabas dan tahniah pihak kerajaan kepada MARDI khususnya Dr. Saharan Haji Anang dan para pegawai penyelidik dan kakitangan MARDI yang telah bekerja keras dan berjaya menghasilkan satu lagi 'kejayaan cemerlang' khususnya satu klon baru buah-buahan tempatan iaitu Ciku Baru. Saya difahamkan yang Ciku Baru ini mempunyai beberapa keistimewaan tersendiri yang mempunyai potensi dan nilai komersial.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Nilai eksport buah-buahan negara telah meningkat hampir dua kali ganda dalam tempoh 10 tahun daripada RM 336 juta pada tahun 1991 kepada RM 523 juta pada tahun 1999. Buah-buahan yang banyak di eksport terdiri daripada nenas, tembikai, betik, durian dan belimbing. Ini menunjukkan satu perkembangan yang menggalakkan. Saya percaya dengan insentif dan galakan yang diberikan kepada sektor pertanian, industri buah-buahan khasnya dan pertanian amnya akan menjadi satu sumber eksport yang lumayan di masa akan datang. Sebagai contoh, walaupun buah Ciku belum lagi termasuk dalam senarai buah-buahan yang di eksport, saya yakin jika buah ini diberi tumpuan seperti promosi yang agresif, 'packaging' yang menarik dan mutu yang terjamin saya percaya buah Ciku juga dapat menembusi pasaran antarabangsa.

4. Pengeluaran buah-buahan secara besar-besaran di negara ini banyak tertumpu di negeri Johor, Pahang, Perak, Terengganu dan Kelantan. Namun saya yakin Kedah juga mempunyai potensi sebagai pengeluar buah-buahan memandangkan kedudukannya di Utara Malaysia yang mempunyai cuaca sesuai bagi pengeluaran buah-buahan, khususnya mangga. Kedah memang sudah terkenal dengan tanaman mangga yang bermutu seperti mangga harum manis dan sala. Dengan munculnya

klon baru Ciku ini, saya berharap ia dapat dikembangkan di negeri Kedah. Ini telah terbukti kerana penyelidikan menghasilkan Ciku Baru ini dijalankan di Stesen MARDI Bukit Tinggi, Kedah. Dengan komitmen dari semua pihak di Negeri Kedah dan khidmat nasihat teknikal daripada MARDI dan Jabatan Pertanian, saya yakin dalam tempoh yang singkat, Kedah akan terkenal pula dengan tanaman Ciku.

5. Telah menjadi hasrat kerajaan untuk memertabatkan semula sektor pertanian menjadi sektor ekonomi terpenting di negara ini dan menjadi sebagai 'third engine of growth'. Justeru, kerajaan telah merangka satu pelan pembangunan sektor pertanian yang lengkap iaitu Dasar Pertanian Negara Ke-3. Bagi menjamin pelan tersebut berjaya, sektor pertanian mesti melalui satu proses transformasi atau perubahsuaian. Transformasi Pertanian menjadi agenda terpenting dalam menentukan hala tuju dan pelaksanaan pembangunan sektor tersebut. Pelaksanaan transformasi pertanian mesti bertunjangan kepada pertanian secara komersial, berskala besar dan menggunakan teknologi moden. Ini bermakna sekarang sudah tidak lagi relevan bagi petani untuk menggunakan benih yang tidak berkualiti. Tidak lagi relevan untuk terus memakai teknologi-teknologi yang lapuk, yang 'out-of-date'. Tidak lagi relevan menanam secara kecilan, tidak sistematik dan terancang. Tidak juga lagi relevan menggunakan banyak tenaga buruh dan tidak lagi relevan menghasilkan produk yang tidak bermutu. Satu perancangan yang rapi daripada pengeluaran hingga kepada pemasaran dan membabitkan semua pihak termasuk swasta amatlah diperlukan untuk menjamin kejayaan Transformasi Pertanian yang dihasratkan.

6. Tanggapan masyarakat, pihak swasta dan pengusaha ke atas pertanian yang dikatakan tidak berdaya maju perlu diubah. Mereka harus berani dan yakin bahawa sektor pertanian berupaya memberikan keuntungan yang lebih baik daripada sektor lain seperti mana di negara Thailand, Australia dan di Amerika. Pertanian perlu dijalankan sebagai satu business. Petani atau pengusaha perlu menggunakan baka yang bermutu, teknologi terkini, menggunakan jentera dan memproses hasil pertanian untuk mempercepatkan pengeluaran dan menambah nilai produk keluaran. Mereka juga perlu menghasilkan produk yang dikehendaki oleh pasaran atau pengguna dan memenuhi syarat atau piawaian antarabangsa, terutamanya bagi barangan untuk di eksport.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Menyentuh tentang majlis perisytiharan Ciku Baru MARDI CM 19 pada hari ini, saya difahamkan ia adalah satu klon yang berkualiti tinggi. Klon ini ialah hasil daripada penyelidikan MARDI yang mengambil masa kira-kira 10 tahun bermula dengan pengumpulan janaplasm tempatan dan luar negara dan melakukan pemilihan dan penilaian ke atas klon-klon tersebut. Perhatian telah diberi ke atas ciri-ciri yang penting seperti ketahanan terhadap penyakit, pertumbuhan dan kualiti buah. Buah Ciku CM 19 adalah besar, beratnya antara 250 - 400 gram iaitu 2 ke 3 kali ganda lebih besar daripada ciku komersial sekarang. Buahnya berbentuk simetri, tunggal dan boleh dimakan terus dengan kulitnya seperti buah epal atau pear. Rasa buahnya manis, setanding dengan ciku komersial iaitu ciku Jantung dan Subang. Ciku CM 19 berupaya mengeluarkan hasil buah sehingga 7 tan sehektar. Dengan teknologi-teknologi sokongan yang dibangunkan untuk buah ciku, seperti jus buah, halwa dan pelbagai jenis kueh-mueh, termasuk teknologi pengendalian lepas tuai, saya percaya Ciku CM 19 dapat dikomersialkan dengan mudah.

8. Saya berharap dengan memperkenalkan Ciku Baru ini, ia akan meningkatkan pengeluaran ciku tempatan dan menjadi salah satu jenis lagi buah-buahan tempatan yang boleh di eksport. Saya menyarankan pengusaha-pengusaha dan sektor swasta tampil ke hadapan untuk mengusahakan tanaman ciku ini. Dengan kelebihan-kelebihan seperti yang saya nyatakan tadi serta sokongan daripada MARDI dan Jabatan Pertanian, saya berharap keluasan tanaman ciku negara kita bertambah dari 1,300 hektar sekarang ini. Saya cadangkan agar Kementerian Pertanian membuat promosi yang lebih agresif untuk memperkenalkan buah ciku ke pasaran domestik dan eksport, seperti mana yang telah dilaksanakan oleh New Zealand ke atas buah KIWI yang tidak begitu terkenal satu ketika dahulu. Sebenarnya buah KIWI tidaklah menarik sangat ataupun lebih berkhasiat daripada buah ciku, tetapi oleh kerana promosi hebat yang dilakukan ia diterima di pasaran antarabangsa dengan baik dan digemari oleh ramai pengguna, termasuk di negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada MARDI yang telah berjaya menghasilkan klon baru Ciku ini. Saya berharap lebih banyak pencapaian akan dapat dihasilkan oleh MARDI dan diperkenalkan untuk membolehkan sektor pertanian menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara dan mengurangkan jumlah import negara ke atas makanan.

10. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasminya mengisytiharkan klon ciku baru MARDI dengan nama CM 19.

Terima kasih.